



Manuscript Title: Peranan Syeikh Abbas Bakar Rafiee dalam Pembaharuan Sistem Pendidikan Islam di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah Pulau Pinang, 1922–1957

Author(s): Ahmad Dzulfahmi Muhamad

Accepted Date: 27-February-2021

Please cite this article as: Ahmad Dzulfahmi Muhamad. 2021. Peranan Syeikh Abbas Bakar Rafiee dalam pembaharuan sistem pendidikan Islam di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah Pulau Pinang, 1922–1957. *Kajian Malaysia* (early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

Kajian Malaysia (early view)

**PERANAN SYEIKH ABBAS BAKAR RAFIEE DALAM PEMBAHARUAN
SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI MADRASAH AL-MASHOOR AL-
ISLAMIAH PULAU PINANG, 1922-1957**

***THE ROLE OF SYEIKH ABBAS BAKAR RAFIEE IN THE
REFORMATION OF THE ISLAMIC EDUCATION SYSTEM IN
MADRASAH AL-MASHOOR AL-ISLAMIAH PENANG, 1922-1957***

Ahmad Dzulfahmi Muhamad

History Section, School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang, MALAYSIA

Email: dzulfahmi@usm.my

ABSTRACT

This study examines the development of the Islamic Educational system in Malaya, especially in Penang between 1922 and 1957. This period is significant because the institutionalisation of the reform of the educational system based on the rapid development of both English and vernacular educational institutions in Malaya which rivalled the Islamic Educational institutions. This study focuses on the role of the third Headmaster of Madrasah al-Mashoor al-Islamiah, Syeikh Abbas Bakar Rafiee in bringing and implementing the idea of reform in the field of Islamic Education which was previously pioneered by Syed Syeikh al-Hadi. This study uses qualitative research methods based on primary and secondary sources using historical and thematic approaches. The results of the study shows that Syeikh Abbas play a very important role in implementing this various madrasah reforms in terms of administrative and curriculum system, introducing co-curricular activities and sending the students to futhers their studies in West Asia. In addition, Syeikh Abbas also played a significant role in establishing madrasah girl's section, the Madrasah al-Mashoor's branch in Balik Pulau and have cooperation to established a madrasah in Sabak Bernam modelled upon the Madrasah al-Mashoor. In addition, the headmaster also produced influential human capital that has brought changes in social awareness among the society and played an important role in shaping the country's history.

Keywords: Syeikh Abbas Bakar Rafiee, Islamic Education, Educational Reformation, Madrasah al-Mashoor al-Islamiah

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2021. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

ABSTRAK

Kajian ini meneliti perkembangan sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu khususnya di Pulau Pinang dari tahun 1922 hingga 1957. Tempoh ini penting kerana berlakunya pembaharuan dalam sistem Pendidikan Islam yang berasaskan madrasah serta perkembangan pesat institusi pendidikan aliran Inggeris dan vernakular di Tanah Melayu yang menjadi saingan kepada institusi Pendidikan Islam. Kajian ini memfokuskan kepada peranan Mudir Madrasah al-Mashoor al-Islamiah yang ketiga iaitu Syeikh Abbas Bakar Rafiee dalam membawa dan melaksanakan idea pembaharuan dalam bidang Pendidikan Islam yang sebelum ini dipelopori oleh Syed Syeikh al-Hadi. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif berdasarkan sumber primer serta sekunder dengan menggunakan pendekatan sejarah dan tematik. Hasil daripada kajian mendapati Syeikh Abbas memainkan peranan amat penting dalam melaksanakan pelbagai pembaharuan madrasah ini dalam aspek sistem pentadbiran dan kurikulum, memperkenalkan aktiviti ko-kurikulum dan menghantar pelajar melanjutkan pengajian ke Asia Barat. Tambahan lagi, Syeikh Abbas juga berperanan penting dalam mengasaskan madrasah bahagian perempuan, menubuhkan cawangan Madrasah al-Mashoor di Balik Pulau dan mengadakan kerjasama mengasaskan sebuah madrasah di Sabak Bernam yang mengikut model Madrasah al-Mashoor. Selain itu, beliau juga melahirkan modal insan berwibawa yang telah mencetuskan perubahan kesedaran sosial masyarakat dan memainkan peranan penting dalam pembentukan sejarah negara.

Kata kunci: Syeikh Abbas Bakar Rafiee, Pendidikan Islam, Pembaharuan Pendidikan, Madrasah al-Mashoor al-Islamiah

PENGENALAN

Pembaharuan sistem Pendidikan Islam Madrasah al-Mashoor al-Islamiah ini telah didasari dengan idea pemikiran islah Syed Syeikh al-Hadi yang merupakan penggerak Kaum Muda di Tanah Melayu. Selain itu, pengaruh pemikiran Islah yang digagaskan oleh Muhammad Abduh dan Rashid Rida di Mesir telah mempengaruhi pemikiran al-Hadi untuk memainkan peranan penting merubah masyarakat Melayu Islam khususnya (Abdullah 1984). Beliau menggunakan pendekatan pendidikan madrasah yang mengikut model Mesir bagi menyebarkan pemikiran islahnya dengan menyeru orang Melayu supaya berusaha mencapai kemajuan di dunia serta akhirat dengan mengikuti ajaran yang telah digariskan dalam al-Quran dan Sunnah (Mohd. Taib 1964).

Selain itu, matlamat al-Hadi melaksanakan pembaharuan sistem Pendidikan Islam menerusi Madrasah al-Mashoor juga adalah untuk memberikan pendidikan agama secara moden kepada orang Melayu serta melahirkan intelektual Melayu yang berjaya dengan semangat kesedaran (Rahim 1980). Usaha pembaharuan al-Hadi telah diteruskan pula oleh Syeikh Abdullah al-Maghribi yang menjadi mudir kedua Madrasah al-Mashoor pada tahun 1919 (Mohd Sarim 1976). Semasa pentadbirannya, al-Maghribi telah melaksanakan pembaharuan dalam aspek kurikulum apabila memperkenalkan subjek baharu seperti ilmu *Mantik*, *Insha*, *Balagha* dan *Nusus* dalam usaha untuk memantapkan penguasaan ilmu agama dalam kalangan pelajar disamping subjek lain yang telah diperkenalkan oleh al-Hadi (Muhammad 1980). Bukan itu sahaja, al-Maghribi yang berjaya merealisasikan idea al-Hadi untuk menghantar pelajar Madrasah al-Mashoor ke Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1920 (Omar Farouk 1978). Walau bagaimanapun, al-Maghribi telah meletakkan jawatannya pada tahun 1922 kerana kegagalan pihak jawatankuasa Madrasah al-Mashoor menjelaskan tunggakan gajinya sebanyak \$1700. Hal ini adalah kerana masalah kewangan yang dihadapi oleh pihak jawatankuasa Madrasah al-Mashoor berikutan kurang mendapat bantuan dan derma dari orang ramai (Mohd Sarim 1976).

Setelah al-Maghribi meletakkan jawatannya, Syeikh Abbas Bakar Rafiee telah dilantik sebagai mudir yang ketiga dan telah meneruskan usaha pembaharuan yang dibawa oleh al-Hadi serta al-Maghribi terhadap Madrasah al-Mashoor (Muhammad 1980). Peranan beliau dalam pembaharuan sistem Pendidikan Islam amat penting untuk ditonjolkan setelah idea pembaharuan al-Hadi dalam memodenkan Madrasah al-Mashoor al-Islamiah diterima baik oleh masyarakat Islam di Pulau Pinang. Hal ini adalah kerana persaingan yang berlaku di antara sekolah beraliran Inggeris dan sekolah vernakular yang semakin berkembang pesat selepas penjajahan Inggeris pada awal abad ke-20 (Ahmad Dzulfahmi dan Mohammad Redzuan 2020).

Perkembangan yang semakin pesat institusi pendidikan aliran Inggeris serta vernakular ini telah menyebabkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa masyarakat Islam akan impaknya terhadap anak mereka yang mungkin akan terpengaruh dengan dakyah Kristian serta dianggap menyebarkan ideologi sekularisme (Sufean Hussin, 1996). Oleh sebab yang demikian, ibu bapa masyarakat Islam mengharapkan kewujudan sebuah institusi pendidikan yang berteraskan kepada Islam di Pulau Pinang khususnya. Kewujudan institusi seperti ini dapat memainkan peranan penting dalam membimbing dan mendidik anak-anak mereka agar dapat mendalami ajaran Islam yang sebenar (SPP/P/1 ANM).

Permasalahan ini telah menyebabkan Syeikh Abbas meneruskan idea pembaharuan al-Hadi dengan melaksanakan pelbagai pembaharuan terhadap

Madrasah al-Mashoor agar dapat mengisi kelompongan yang tiada dalam sistem institusi Pendidikan Islam di Tanah Melayu. Bukan itu sahaja, pembaharuan yang dilakukan juga dapat memberi saingan kepada perkembangan sistem pendidikan sekular di Pulau Pinang khususnya (Talib 1992). Sistem kurikulumnya juga telah mengadunkan sistem pendidikan tradisional serta moden dengan tidak hanya menekankan sistem hafalan semata-mata tetapi juga kepada praktikal. Hasil daripada gabungan sistem inilah yang telah melahirkan pelajar dan intelektual yang berkualiti serta telah menjadi ejen kesedaran sosial masyarakat Melayu Islam (Latifah 2017).

Walau bagaimanapun, penyelidikan mengenai peranan Syeikh Abbas dalam pembaharuan sistem Pendidikan Islam di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah tahun 1922 hingga 1957 kurang mendapat tempat dalam kalangan penyelidik di Malaysia. Hal ini adalah kerana keterbatasan maklumat serta sumber rujukan mengenai peranan Syeikh Abbas dan kebanyakan sumber rujukan yang diperolehi lebih memberi tumpuan kepada peranan al-Hadi seperti penulisan Talib Samat (1996 & 1997), Abdul Rahman (2003), Ibrahim (2010) serta peranan Syeikh Abdullah al-Maghribi hasil penulisan Mohd. Sarim (1975), Mahayudin (1999) dan Kamaruzaman (2011).

Namun begitu, zaman ketika Syeikh Abbas menjadi Mudir Madrasah al-Mashoor yang ketiga adalah merupakan tempoh paling cemerlang dalam sejarah perkembangan madrasah tersebut (Rahim 1980 & Mohammad Redzuan 2012). Pengaruhnya juga bukan hanya beredar di sekitar Tanah Melayu malah ke seluruh Asia Tenggara serta Asia Barat (Roff 1974). Hal ini jelas menunjukkan bahawa Syeikh Abbas juga merupakan seorang tokoh islah dan seangkatan dengan al-Hadi serta al-Maghribi. Sehubungan itu, peranan Syeikh Abbas amat penting untuk diteliti kerana beliau berjaya membuka lembaran baharu dalam pembaharuan sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu khususnya di Pulau Pinang.

LATAR BELAKANG SYEIKH ABBAS

Syeikh Abbas Bakar Rafiee telah dilahirkan di Mekah pada tahun 1902 dan mendapat pendidikannya di Madrasah al-Falah, Mekah. Selepas menamatkan pengajian di Madrasah al-Falah, beliau telah menjadi tenaga pengajar di Madrasah al-Fakhriyah, Mekah dan selepas itu Syeikh Abbas telah dilantik sebagai guru Al-Quran serta bahasa Arab di Deccan, Selatan India (Mahani 2016). Syeikh Abbas juga merupakan bekas pelajar al-Maghribi semasa beliau belajar di Mekah. Justeru itu, Syeikh Abbas juga mempunyai pemikiran islah yang sealiran dengan gurunya al-Maghribi kerana telah mendapat pendedahan awal mengenai idea pembaharuan dalam Islam di Tanah Arab dan juga di India.

Penghijrahan Syeikh Abbas ke Pulau Pinang pada tahun 1922 merupakan inisiatif daripada al-Maghribi yang telah menjemputnya serta sahabatnya Syeikh Ibrahim Biyari. Hal ini adalah kerana al-Maghribi telah diminta oleh pihak Jawatankuasa Madrasah al-Mashoor agar mencari calon yang sesuai untuk mengisi jawatan mudir tersebut selepas perletakan jawatannya nanti. (Amini Amir 1997).

Sebelum Syeikh Abbas dan Syeikh Ibrahim bersetuju untuk memulakan perjalanan ke Pulau Pinang, mereka berdua telah mengenakan syarat terhadap Jawatankuasa Madrasah al-Mashoor agar dapat menaja perjalanan mereka dari India ke Pulau Pinang dan syarat ini telah dipersetujui oleh pihak jawatankuasa madrasah (Muhammad 1980). Setibanya Syeikh Abbas dan Syeikh Ibrahim di Pulau Pinang, mereka berdua telah dilatih terlebih dahulu oleh al-Maghribi sebagai tenaga pengajar Madrasah al-Mashoor dan sebelum melantik Syeikh Abbas sebagai mudir seterusnya yang akan menggantikannya kelak. Syeikh Abbas telah mendirikan rumah tangga dengan Siti Aisyah binti Ahmad yang berasal dari Sungai Bakap dan berketurunan Melayu. Hasil dari perkahwinan tersebut, Syeikh Abbas telah dikurniakan lapan orang anak iaitu lima orang lelaki dan tiga orang perempuan. Beliau dan keluarganya telah menetap Jalan Macalister sebelum berpindah ke Jalan Lunas pada tahun 1936.

Selain memegang jawatan mudir, Syeikh Abbas juga berkebolehan mengajar subjek Algebra serta mengajar subjek Faraid. Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu dari tahun 1941 hingga 1945, operasi pembelajaran dan pengajaran di Madrasah al-Mashoor telah terhenti seketika kerana pihak Jepun menganggap orang Arab bersekutu dengan British yang merupakan musuh mereka. Kehidupan Syeikh Abbas ketika itu agak sukar kerana pihak Jepun akan meletakkan tanda di bahagian bahu untuk menandakan musuh mereka dan beliau tidak dibenarkan meninggalkan Pulau Pinang. Selepas Jepun kalah dan berundur dari Tanah Melayu, Madrasah al-Mashoor telah dibuka kembali dan Syeikh Abbas meneruskan khidmatnya sehingga bersara pada tahun 1957 dan kembali semula menetap di Mekah. Syeikh Abbas telah meninggal dunia di Mekah pada tahun 1982 (Mahani 2016).

PEMBAHARUAN SISTEM PENTADBIRAN DAN KURIKULUM MADRASAH

Setelah al-Maghribi berkhidmat sebagai mudir Madrasah al-Mashoor dari tahun 1919 hingga 1922 dan meletakkan jawatannya (Farid dan NurulWahidah 2014), pihak jawatankuasa Madrasah al-Mashoor telah melantik Hafiz Ghulam Sharwar yang juga merupakan tenaga pengajar di madrasah tersebut untuk memangku

sementara jawatan mudir. Hal ini adalah kerana hendak memastikan operasi madrasah tidak terganggu sementara menunggu pihak jawatankuasa madrasah melantik mudir yang baharu. Setelah Syeikh Abbas dan Syeikh Ibrahim dilantik dan dilatih sebagai tenaga pengajar di Madrasah al-Mashoor, pihak jawatankuasa madrasah telah bersetuju untuk melantik Syeikh Abbas sebagai mudir madrasah yang baharu (Omar Farouk 1978).

Sejurus selepas perlantikan Syeikh Abbas sebagai mudir, beliau telah mengambil langkah melaksanakan pembaharuan di Madrasah al-Mashoor dengan mewujudkan jawatan baharu iaitu Penolong Mudir yang akan membantu beliau dalam aspek pentadbiran dan kurikulum madrasah. Jawatan penolong mudir ini tiada semasa zaman pentadbiran di bawah kendalian al-Hadi dan al-Maghribi. Syeikh Abbas telah melantik Syeikh Ibrahim untuk menggalas jawatan ini dalam usaha untuk memantapkan lagi sistem pentadbiran madrasah. Hal ini disebabkan pertambahan pelajar yang semakin meningkat iaitu seramai 150 orang pelajar dan terdapat enam kelas yang terdiri 25 orang bagi setiap kelas. Oleh kerana itu, Syeikh Abbas memerlukan seorang penolong mudir yang dapat membantu beliau menguruskan operasi madrasah yang semakin berkembang pesat (Muhammad 1980).

Selain itu, peranan Syeikh Abbas juga dapat dilihat apabila beliau yang bertanggungjawab membawa tenaga pengajar yang berkaliber untuk mengajar di Madrasah al-Mashoor. Antara tenaga pengajar tersebut ialah Syeikh Hussin Bakar Rafiee yang merupakan adik beliau sendiri dan menjadi mudir yang seterusnya pada tahun 1957. Syeikh Hussin telah dijemput oleh Syeikh Abbas sendiri untuk menjadi tenaga pengajar Madrasah al-Mashoor pada tahun 1923. Bukan itu sahaja, antara tenaga pengajar lain yang direkrut oleh Syeikh Abbas ialah Sheikh Ahmad Baladram yang selepas itu telah dilantik Mudir Madrasah al-Mashoor cawangan Balik Pulau pada tahun 1940 (Ahmad Dzulfahmi 2020).

Dalam aspek kurikulum pula, subjek yang telah diperkenalkan oleh al-Hadi dan ditambahbaik semasa pentadbiran al-Maghribi telah dikekalkan oleh Syeikh Abbas. Dalam usaha melahirkan pelajar yang mahir berbahasa Arab dan Inggeris, beliau telah melakukan pembaharuan dengan memperkenalkan beberapa peraturan madrasah yang baharu iaitu pelajar hanya boleh menggunakan bahasa Arab sahaja dalam perbualan mereka ketika waktu sesi pagi persekolahan. Untuk sesi persekolahan waktu petang pula, pelajar wajib menggunakan bahasa Inggeris untuk perbualan sesama guru dan juga pelajar lain. Setiap pelajar akan dikenakan denda sebanyak 5 sen jika melakukan kesalahan tersebut. Wang denda yang terkumpul akan digunakan untuk kegunaan aktiviti di dalam kelas (Muhammad 1980).

Selain itu, Syeikh Abbas juga telah mengadakan aktiviti syarahan, perbahasan sajak dan syair antara pelajar dengan pelajar yang lain. Dalam aktiviti ini, setiap pelajar wajib mengambil bahagian dan tajuk syarahan atau perbahasan akan ditentukan sendiri oleh mereka. Syarahan dan perbahasan tersebut mestilah di dalam bahasa Arab ataupun bahasa Inggeris sahaja. Aktiviti seperti ini diadakan bertujuan untuk melatih para pelajar madrasah agar tidak malu dan berani berucap apabila berhadapan dengan khalayak ramai.

Kesan daripada penguatkuasaan penggunaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris oleh Syeikh Abbas telah memberikan impak yang besar kepada pelajar dalam penguasaan mereka dalam kedua-dua bahasa asing tersebut. Bukan itu sahaja, pengajaran dalam bahasa Arab oleh tenaga pengajar yang berasal dari Arab juga memainkan peranan penting dalam membentuk pelajar yang fasih bertutur dan berbahasa dalam bahasa Arab khususnya. Kebanyakan tenaga pengajar yang diambil oleh Syeikh Abbas majoritinya berasal dari Tanah Arab seperti adiknya sendiri Syeikh Hussin, Syeikh Ibrahim, Syeikh Ibrahim al-Masri dan Abdul Aziz Utaiqi (SPP/P/1 ANM).

Maka tidak hairanlah kebanyakan bekas pelajar Madrasah al-Mashoor boleh menulis dengan baik dan dapat bertutur dengan fasih dalam bahasa Arab. Kualiti yang tinggi dalam aspek pengajaran ini jugalah yang telah menarik minat pelajar dari luar Pulau Pinang melanjutkan pengajian mereka ke Madrasah al-Mashoor. Selain itu, para pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke Asia Barat juga telah menjadikan Madrasah al-Mashoor sebagai tempat persediaan untuk ke sana. Hal ini adalah kerana mereka dapat mendalami perkara yang diperlukan di Madrasah al-Mashoor agar sesuai dengan bidang pengajian yang akan diambil di Asia Barat nanti (Amini Amir 1997).

MEMPERKENALKAN AKTIVITI KO-KURIKULUM MADRASAH

Peranan Syeikh Abbas dalam pembaharuan sistem Pendidikan Islam dapat dilihat apabila telah memperkenalkan beberapa aktiviti ko-kurikulum dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang berkualiti dan berketrampilan. Antara aktiviti ko-kurikulum yang juga merupakan galakan dari Syeikh Abbas ialah kejayaan menerbitkan sebuah majalah bulanan pelajar yang diberi nama *Ar-Rajaa* bermaksud 'Harapan' pada tahun 1925. Syeikh Abbas juga telah mengambil inisiatif mengesyorkan pihak Madrasah al-Mashoor supaya menerbitkan majalah ini untuk menggalakkan budaya menulis dan membaca dalam kalangan pelajar serta tenaga pengajar. Penerbitan majalah ini adalah yang pertama wujud di Tanah Melayu diterajui oleh pelajar madrasah sendiri dan menggunakan dua bahasa pengantar iaitu bahasa Arab serta Melayu (Jawi) (Ahmad Dzulfahmi 2019).

Ketua pengarang yang pertama Majalah *Ar-Rajaa* ialah Yusuff Naim dan pengarangnya Mohd. Noh Zakri serta dibantu oleh Othman Kalam sebagai pengurusnya. Majalah ini diterbitkan pada setiap akhir bulan Islam kecuali pada bulan Ramadhan dan dijual dengan harga 35 sen senaskhah. Majalah ini bukan sahaja dijual dan dibaca dalam kalangan pelajar madrasah semata-mata tetapi terdapat juga dijual kepada masyarakat umum khususnya di Pulau Pinang (*Ar-Rajaa* 1926).

Akhbar *Idaran Zaman* ada menyatakan dalam keluarannya bahawa penerbitan Majalah *Ar-Rajaa* ini adalah hasil penulisan pelajar Madrasah al-Mashoor dan aktiviti penerbitan ini dapat memberi mereka pengalaman dalam penulisan yang berkaitan dengan ilmu agama dan pelbagai pengetahuan yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Melayu Islam khususnya (*Idaran Zaman* 1925). Jika diteliti mengenai isi kandungannya, majalah ini memuatkan penulisan mengenai isu dan soal agama, sastera, pendidikan dan semangat kebangsaan. Bukan itu sahaja, majalah ini juga memuatkan mengenai perihal Madrasah al-Mashoor sendiri seperti aspek kurikulum, tarikh peperiksaan dan iklan kemasukan ke madrasah (Muhammad 1980).

Kewujudan sebuah majalah di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah pada masa itu adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti keadaan politik dan kemasyarakatan Pulau Pinang yang lebih terbuka kerana tidak terikat dengan Seksyen 19b Enakmen Undang-undang Islam 1904, Pindaan Enakmen 1925 di bawah Majlis Agama Islam Negeri yang mempunyai sultan. Hal ini adalah kerana, Enakmen ini telah memperuntukkan bahawa sesiapa yang mencetak dan menerbitkan bahan bacaan berkaitan dengan Islam tanpa kelulusan bertulis daripada sultan boleh didenda sebanyak \$200 atau dipenjarakan. Namun begitu, Enakmen ini tidak terpakai di negeri yang tidak mempunyai sultan (*Al-Ikhwan* 1929). Hal ini adalah disebabkan pertembungan pemikiran di antara Kaum Muda dengan Kaum Tua. Justeru itu, pendukung Kaum Muda terpaksa memindahkan sebahagian besar kegiatan penerbitan mereka ke Negeri-negeri Selat yang tidak mempunyai Majlis Agama Islam dan sultan (Roff 1974). Selain itu, terdapat kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan kertas dan lain-lain bahan percetakan serta tempat percetakan kerana di Pulau Pinang sudah banyak akhbar dan majalah yang dikeluarkan oleh orang-orang Jawi Peranakan dan Arab. Kebanyakan masyarakat Pulau Pinang juga sendiri sudah tahu membaca dan menulis. Namun begitu, Majalah *Ar-Rajaa* terpaksa diberhentikan penerbitannya pada tahun 1926 kerana mengalami masalah kewangan (Ahmad Dzulfahmi 2019).

Selain penerbitan majalah, Syeikh Abbas memainkan peranan penting dalam mewujudkan sebuah persatuan pelajar Madrasah al-Mashoor yang dikenali sebagai 'Persatuan Nahdatul Ikhwan' pada tahun 1936. Penubuhan persatuan ini

mendapat galakan dan dorongan kuat Syeikh Abbas sendiri serta kecenderungan yang tinggi daripada pelajar madrasah sendiri. Terdapat tiga tujuan utama penubuhan persatuan ini iaitu menggalakkan semangat belajar dalam kalangan pelajar, menyedarkan kelemahan bangsa Melayu dalam pelbagai bidang dan mewujudkan semangat perpaduan di antara satu sama lain (Rahim 1980).

Antara aktiviti yang dilakukan oleh persatuan ini adalah menerbitkan sebuah majalah persatuan yang diberi nama 'Majalah Nahdatul Ikhwan' yang memuatkan pelbagai penulisan pelajar Madrasah al-Mashoor berkaitan dengan gerakan dan pemikiran Islah di Asia Barat. Selain itu, antara aktiviti lain yang dianjurkan oleh persatuan adalah menganjurkan lawatan sambil belajar ke beberapa buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu seperti Selangor, Johor dan Singapura pada tahun 1937. Rombongan persatuan ini disertai oleh Syeikh Abbas dan Syeikh Hussin serta 22 orang pelajar yang mengambil masa selama 41 hari. Lawatan sambil belajar ini ada disiarkan dalam akhbar *Saudara* (Saudara 1937).

Tujuan lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh persatuan ini adalah untuk meninjau dengan lebih dekat negeri yang dikunjungi, memberi syarahan agama kepada masyarakat tempatan dan memberi penerangan kepada masyarakat Islam tempatan mengenai Madrasah al-Mashoor. Bukan itu sahaja, lawatan ini juga bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim di antara Madrasah al-Mashoor dengan madrasah lain seperti Madrasah Haji Taib, Parit Jamil Johor (SPP/P/1 ANM). Selain aktiviti lawatan sambil belajar, persatuan juga ada menganjurkan aktiviti bersukan dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Antara aktiviti sukan yang diperkenalkan adalah seperti sukan bola sepak, bola jaring, badminton, ping pong dan tenis. Akhbar *Saudara* ada menyiarkan mengenai gelanggang tenis yang telah dibina sejak tahun 1934 lagi untuk kegunaan pelajar Madrasah al-Mashoor. Pengenalan aktiviti sukan adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja memiliki otak yang cerdas tetapi juga memiliki fizikal yang cergas (Saudara 1934).

Demi memastikan pelajar Madrasah al-Mashoor mendapat akses yang lebih meluas terhadap ilmu pengetahuan, Syeikh Abbas telah bekerjasama dengan para tenaga pengajarnya untuk bersama-sama membuka sebuah perpustakaan atau dikenali sebagai 'Kutub Khanah'. Pembukaan Kutub Khanah akan memberi peluang kepada pelajar madrasah untuk membuat rujukan selanjutnya selepas sesi pembelajaran. Kutub Khanah telah dibuka secara rasminya pada 6 Februari 1938 oleh Encik Putih Badri yang merupakan Setiausaha Agung Persatuan Sahabat Pena Malaya. Walau bagaimanapun, sumber rujukan yang terdapat Kutub Khanah ini masih lagi terhad serta tidak mencukupi untuk menampung kegunaan pelajar dan masih memerlukan bantuan orang ramai untuk menderma buku, majalah, akhbar serta sumbangan kewangan

untuk penambahbaikan Kutub Khanah. Bukan itu sahaja, setiap tenaga pengajar dan pelajar madrasah akan dikenakan sedikit bayaran mengikut kemampuan masing-masing demi untuk menanggung sedikit kos operasi Kutub Khanah (Saudara 1938).

PENGHANTARAN PELAJAR MELANJUTKAN PENGAJIAN KE ASIA BARAT

Inisiatif menghantar pelajar melanjutkan pengajian mereka ke Asia Barat telah dimulakan oleh al-Hadi lagi dan telah direalisasikan oleh al-Maghribi semasa pentadbiran mereka di Madrasah al-Mashoor. Peranan Syeikh Abbas juga tidak terkecuali dalam perkara ini apabila pada tahun 1925, beliau telah berjaya menghantar pelajar madrasah melanjutkan pengajian ke Asia Barat. Syeikh Abbas telah membuat permohonan kepada pihak Universiti Al-Azhar di Mesir untuk menerima lima orang pelajar madrasah ini setiap tahun kepada mereka yang ingin melanjutkan pengajian di sana (RCP/1333/49 ANM).

Tujuan utama permohonan Syeikh Abbas ini adalah untuk melatih pelajar madrasah ini supaya dapat berkhidmat kembali sebagai tenaga pengajar di Madrasah al-Mashoor setelah menamatkan pengajian nanti. Pihak Universiti Al-Azhar bersetuju menerima permohonan Syeikh Abbas serta memberi biasiswa dengan menaja perbelanjaan pendidikan setiap pelajar sebanyak \$6 sebulan serta menginap di asrama secara percuma. Pihak jawatankuasa madrasah juga menyambut baik tawaran tersebut dan melancarkan kempen derma untuk membiayai kos perjalanan pelajar dari Pulau Pinang ke Mesir (Omar Farouk 1978).

Akhbar *Idaran Zaman* keluaran tahun 1925 ada melaporkan mengenai pelajar yang terpilih untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Al-Azhar Mesir (Idaran Zaman 1925). Antara pelajar yang tersenarai untuk melanjutkan pengajian universiti tersebut dengan mendapat biasiswa ialah Abu Bakar Al-Asyaari dan beliau di antara pelajar Madrasah al-Mashoor yang menyinar sehingga dilantik sebagai ahli Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Perlis pada tahun 1958 (Ar-Rajaa 1928 & Utusan Zaman 1958) dan Datuk Sheikh Haji Md. Yunus bin Haji Mohd. Yatim yang dilantik sebagai Mufti Negeri Melaka pada tahun 1979. Selain mendapat tawaran biasiswa dari pihak universiti, terdapat juga pelajar madrasah yang melanjutkan pengajian mereka ke Asia Barat dengan menggunakan perbelanjaan sendiri ataupun bantuan kewangan dari hartawan Arab dan India Muslim (SPP/P/I ANM).

Syeikh Abbas terus memainkan peranannya dalam penghantaran pelajar ke Asia Barat apabila pada tahun 1946 ketika beliau pulang sementara ke Arab

Saudi, Syeikh Abbas telah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Arab Saudi untuk menawarkan biasiswa kepada pelajar Madrasah al-Mashoor. Perbincangan ini telah membawa kejayaan apabila kerajaan Arab Saudi bersetuju untuk menawarkan biasiswa tersebut kepada pelajar madrasah bermula dari tahun 1948 sehingga tahun 1955. Bidang pengajian yang ditawarkan adalah di dalam bidang Syariah dan Usuluddin. Antara pelajar Madrasah al-Mashoor yang mendapat tawaran biasiswa tersebut ialah Profesor Madya Dr. Ishak Mohd. Rejab yang merupakan mantan pensyarah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dato' Syeikh Abu Bakar Haji Kassim dilantik sebagai pengetua Maktab Mahmud Kedah pada tahun 1969 hingga 1986 (Muhammad 1980).

Penawaran biasiswa yang diberikan untuk melanjutkan pelajaran ke beberapa institusi pengajian tinggi di Asia Barat adalah disebabkan kualiti tinggi yang terdapat pada lepasan Madrasah al-Mashoor dan mendapat pengiktirafan universiti tersebut. Hal ini adalah kerana keunikan sistem kurikulum dan pengajaran bahasa Arab yang telah digagaskan oleh al-Hadi dan diteruskan Syeikh Abbas yang memainkan peranan penting dalam membawa pembaharuan sistem Pendidikan Islam di Madrasah al-Mashoor.

PENGASASAN MADRASAH AL-MASHOOR BAHAGIAN PEREMPUAN

Antara peranan Syeikh Abbas yang terpenting dalam pembaharuan sistem Pendidikan Islam di Pulau Pinang ialah mengasaskan sebuah lagi Madrasah al-Mashoor yang khusus untuk pelajar perempuan pada tahun 1934 (Rahim 1980). Pengasasan madrasah bahagian perempuan ini adalah merupakan madrasah yang pertama yang wujud di Tanah Melayu (Omar Farouk 1978). Pada awalnya, menerusi inisiatif al-Hadi yang telah memperjuangkan hak dan memberi peluang kepada pelajar perempuan untuk belajar bersama pelajar lelaki dalam menuntut ilmu pengetahuan. Al-Hadi berpandangan bahawa anak perempuan harus diberikan peluang mendapat pendidikan yang sama seperti anak lelaki (Roff 1974). Kemasukan pelajar perempuan yang semakin meningkat ke Madrasah al-Mashoor telah menyebabkan Syeikh Abbas memikirkan perlunya mewujudkan sebuah madrasah yang khusus untuk pelajar perempuan sahaja. Tambahan pula, ibu bapa di sekitar Pulau Pinang mula menyedari akan kepentingan pendidikan agama bagi anak perempuan mereka. Maka dengan itu, terdapat ibu bapa yang sanggup menghantar anak perempuan mereka untuk menuntut ilmu di madrasah ini.

Syeikh Abbas juga merasakan bahawa pengasasan sebuah madrasah bahagian perempuan ini penting kerana terdapat keperluan untuk mengasingkan pelajar perempuan dengan pelajar lelaki demi mengelak terjadinya sesuatu

perkara yang tidak diinginkan. Hal ini adalah kerana sebelum ini, pelajar perempuan terpaksa belajar bersama dengan pelajar lelaki di dalam satu kelas. Setelah kemasukan pelajar perempuan yang semakin meningkat, barulah pelajar lelaki telah diasingkan dengan pelajar perempuan dan pelajar lelaki ditempatkan di sebuah bangunan yang telah dibina pada tahun 1925. Akhbar *Bumiputra* ada melaporkan mengenai pengasingan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Walau bagaimanapun, pergaulan masih ada di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terutama sewaktu waktu rehat, semasa perhimpunan dan semasa majlis syarahan (*Bumiputra* 1933).

Sebelum Syeikh Abbas mengasaskan madrasah bahagian perempuan secara rasmi, beliau telah mengadakan 'Majlis Ihtifal Khas' atau dikenali Majlis Perjumpaan Khas dengan wakil ibu pelajar perempuan untuk membincangkan mengenai pengasasan madrasah tersebut. Hasil perbincangan tersebut, majoriti wakil ibu bersetuju dengan cadangan Syeikh Abbas untuk mengasaskan sebuah madrasah khusus untuk pelajar perempuan kerana bimbang berlakunya sesuatu perkara yang tidak baik terhadap anak perempuan mereka. Akhbar *Saudara* ada menyatakan dalam laporannya mengenai Majlis Ihtifal Khas berkaitan dengan pengasasan madrasah ini. Dalam akhbar tersebut ada menyatakan terdapat juga cadangan dari masyarakat Islam mengenai keperluan mewujudkan sebuah madrasah untuk pelajar perempuan (*Saudara* 1934).

Setelah berusaha mendapatkan pandangan dari pelbagai pihak mengenai pengasasan madrasah bahagian perempuan, Syeikh Abbas meneruskan cadangannya dengan mengasaskan madrasah tersebut pada tahun 1934 setelah dipersetujui oleh ahli jawatankuasa madrasah. Walau bagaimanapun, pihak jawatankuasa madrasah telah memberikan syarat bahawa mereka tidak akan membayar gaji kepada tenaga pengajar madrasah bahagian perempuan kerana kekangan kewangan madrasah. Hal ini adalah kerana pihak jawatankuasa madrasah kurang mendapat bantuan kewangan dan derma daripada orang ramai. Perkara ini tidak mematahkan semangat Syeikh Abbas untuk meneruskan pembaharuannya dalam sistem Pendidikan Islam dan beliau telah menjadikan rumahnya Jalan Macalister sebagai bangunan sementara madrasah bahagian perempuan yang jauhnya lebih kurang 3 kilometer dari madrasah bahagian lelaki di Lebu Tek Soon (*Latifah* 2017).

Selepas setahun pengasasan Madrasah al-Mashoor bahagian perempuan ini, kemasukan pelajar perempuan semakin meningkat sehingga 120 orang pelajar yang sebelum ini hanya 18 orang sahaja satu kelas di awal pembukaannya pada tahun 1925. Kebanyakan pelajar perempuan berasal dari sekitar Pulau Pinang dan Seberang Perai. Ini jelas menunjukkan permintaan yang tinggi dalam kalangan anak perempuan untuk melanjutkan pengajian mereka di Madrasah al-

Mashoor (Amini Amir 1997). Pada tahun 1936, madrasah bahagian perempuan telah dipindahkan ke sebuah rumah kosong di Jalan Lunas kerana bangunan sementara madrasah ini di Jalan Macalister telah dijual oleh pemiliknya Syeikh Muhamad al-Hasawi. Madrasah bahagian perempuan telah dipindahkan ke bangunan baharu yang telah disewa dengan K.S Alauddin yang merupakan hartawan India Muslim. Bangunan tersebut telah dijadikan harta wakaf pada tahun 1957 setelah K.S Alauddin meninggal dunia (Ahmad Dzulfahmi 2013).

PENUBUHAN CAWANGAN MADRASAH

Peranan dan pembaharuan Syeikh Abbas juga dapat dilihat apabila beliau dan Syeikh Hussin telah memainkan peranan penting dalam menubuhkan cawangan Madrasah al-Mashoor di Balik Pulau Pinang pada tahun 1940. Penubuhan cawangan ini adalah hasil daripada lawatan sambil belajar ke Balik Pulau semasa memperkenalkan Madrasah al-Mashoor kepada masyarakat setempat pada tahun 1937. Lawatan sambil belajar yang diketuai oleh Syeikh Hussin ini telah mengadakan perbincangan dua hala dengan ketua kampung di Balik Pulau. Syeikh Hussin telah dijemput sekali lagi ke Balik Pulau untuk memberikan syarahan agama dan telah berpeluang mengadakan perbincangan dengan lebih dalam bersama penghulu dan ketua kampung di mukim tersebut (Ahmad Dzulfahmi 2020)

Pertemuan dan perbincangan tersebut telah membuahkan hasil apabila Madrasah al-Mashoor berjaya menubuhkan cawangannya di Mukim Kongsi Balik Pulau. Cawangan madrasah ini telah dibuka dan dirasmikan oleh Haji Noh Ahmad J.P yang merupakan guru agama yang terkenal di Balik Pulau pada 3 Mac 1940. Majlis pembukaan dan perasmian cawangan kedua Madrasah al-Mashoor telah dihadiri hampir 500 orang penduduk tempatan Balik Pulau (Mahani Musa 2015).

Selepas pembukaan cawangan Madrasah al-Mashoor ini, dalam masa sebulan madrasah ini telah menerima kemasukan pelajar yang menggalakkan iaitu seramai 154 orang yang telah mendaftar termasuk pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Cawangan ini telah ditadbir oleh sebuah jawatankuasa dilantik yang dikenali sebagai 'Anggota Tadbir Cawangan Madrasah al-Mashoor Balik Pulau, Pulau Pinang. Cawangan ini telah menggunakan tenaga pengajar dan sistem kurikulum yang sama dari Madrasah al-Mashoor Pulau Pinang (Muhammad 1980).

Walau bagaimanapun, pendudukan Jepun yang bermula pada tahun 1941 telah menyebabkan Madrasah al-Mashoor serta cawangannya terpaksa ditutup kerana pihak Jepun beranggapan bahawa mudir dan kakitangan madrasah

bersekongkol dengan pihak British yang merupakan musuh mereka dalam Perang Dunia Kedua. Walaupun pendudukan Jepun telah berakhir pada tahun 1945 dan British mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu, hanya Madrasah al-Mashoor Pulau Pinang sahaja yang dapat dibuka semula dan meneruskan operasi mereka sehingga sekarang (Muhammad 1980).

Perkembangan pesat Madrasah al-Mashoor di bawah pentadbiran Syeikh Abbas telah menarik minat Tuan Haji Muhammad Ali untuk bekerjasama dan menubuhkan madrasah yang mengikut model Madrasah al-Mashoor di Sabak Bernam Selangor pada tahun 1938 (Saudara 1940). Tuan Haji Muhammad Ali merupakan mantan Penghulu Sabak Bernam dan beliau telah mengadakan perbincangan dengan Syeikh Abbas menubuhkan madrasah tersebut. Madrasah model ini telah diberi nama 'Madrasah Muhamadiyah al-Sabakiyah' dan mudir pertama madrasah ini ialah Syeikh Ali Baldram yang merupakan tenaga pengajar di Madrasah al-Mashoor Pulau Pinang dan beliau dibantu Ustaz Karim Isa (Saudara 1940). Walau bagaimanapun, Madrasah al-Mashoor di Balik Pulau dan Madrasah Muhamadiyah di Sabak Bernam tidak dapat meneruskan operasinya kerana mengalami masalah kewangan (Shohana 2016).

MELAHIRKAN MODAL INSAN BERWIBAWA

Pembaharuan dalam sistem Pendidikan Islam yang dibawa oleh al-Hadi telah mencetuskan kesedaran dalam kalangan masyarakat Islam berkaitan dengan kepentingan ilmu pengetahuan dan pendidikan agama secara moden. Perkembangan ini telah diteruskan oleh Syeikh Abbas yang memainkan peranan dalam melahirkan modal insan yang berwibawa dalam sejarah negara. Antara modal insan yang dilahirkan ialah Dr. Burhanuddin al-Helmi yang merupakan tokoh yang tidak asing lagi dalam arena politik di Tanah Melayu.

Nama penuh Dr. Burhanuddin al-Helmi ialah Burhanuddin bin Haji Muhammad Nor dan dilahirkan di Kampung Changkat Tualang Taiping Perak pada 29 Ogos 1911 (SP/28/A/36 ANM). Bapanya Haji Mohamad Noor bin Kasim adalah seorang alim yang berasal dari Pagar Ruyung Minangkabau manakala ibunya bernama Sharifah Zahrah binti Habib Osman berketurunan Arab. Beliau diberi gelaran al-Helmi yang bermaksud 'yang lembut' dan 'yang tenang' dalam bahasa Arab. Gelaran ini pada asalnya diberikan oleh masyarakat kampung kepada ayahnya kerana mempunyai perwatakan yang lemah lembut dan sering tersenyum. Gelaran itu juga diberikan kepada Dr. Burhanuddin juga dikatakan mempunyai sifat yang sama dengan ayahnya (Rashidah 1969).

Dr. Burhanuddin mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu Sungai Dera Tanjung Malim dan kemudiannya di Behrang Ulu serta seterusnya di Bakap

sehingga darjah tiga. Setelah itu, beliau berpindah pula ke Kota Bharu Perak sehingga darjah lima kerana mengikuti ayahnya berkerja sebagai guru agama dan sering berpindah randah. Pada tahun 1926, Dr. Burhanuddin menyambung pendidikannya di Sumatera mengikuti ayahnya namun dapat bertahan selama enam bulan sahaja kerana beliau tidak meminati sistem pengajian yang menghafal dan menadah kitab (Ramlah 2003).

Sekembalinya Dr. Burhanuddin dari Sumatera pada tahun 1927, beliau meneruskan pengajiannya di Madrasah al-Mashoor kerana mengetahui madrasah ini telah menyediakan satu pendidikan yang lebih bersepadu dengan menggabungkan pendidikan agama dengan pendidikan moden. Dengan sistem yang komprehensif di Madrasah al-Mashoor, beliau dapat menguasai bahasa Arab serta bahasa Inggeris dalam masa yang singkat kerana dijadikan medium pengajaran dan pembelajaran. Di madrasah ini juga, Dr. Burhanuddin terpengaruh dengan pemikiran politik dan islah mudirnya Syeikh Abbas, Haji Arshad al-Bawayih yang merupakan tenaga pengajarnya di Madrasah al-Mashoor serta Ashiran Yaacob yang mengerakkan perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu (Saliha 1972).

Setelah menamatkan pendidikannya di Madrasah al-Mashoor pada tahun 1934, Dr. Burhanuddin telah melanjutkan pengajian ke *Aligarh Islamic University* India dengan mengambil bidang sastera dan falsafah. Setelah menamatkan pengajiannya di India, beliau telah bertugas sebagai guru bahasa Arab di Sekolah Arab al-Juned, Singapura pada tahun 1937. Di Singapura, beliau telah mengambil peluang mempelajari bidang perubatan homeopati daripada Profesor Dr Rajah dan melanjutkan pengajian dalam bidang ini di *Ismaeliah Medical College*, Hyderabad, India untuk mendapat sijil profesional di peringkat ijazah dan seterusnya memperolehi ijazah doktor falsafah di *Aligarh Islamic University* (Funston 1980).

Pada tahun 1940, beliau kembali ke Singapura dan menjalani bidang yang baru beliau pelajari di India dan mendapat gelaran 'Dr. Burhanuddin', 'Pak Doktor', 'Doktor Ugama (Agama)' dan seterusnya, 'Dr. Politik'. Beliau berjaya membuka klinik homeopati dan menjalankan tugas barunya iaitu mengubati pesakit. Ketika itu, bidang ini terlalu baharu terutama dalam kalangan masyarakat Melayu Islam dan Dr. Burhanuddin merupakan anak Melayu pertama yang berjaya menceburinya (Rashidah 1969).

Dr. Burhanuddin juga turut aktif menghasilkan serta menulis buku diantaranya ialah *Perjuangan Kita* (1946), *Falsafah Kebangsaan Melayu* (1947), *Agama dan Politik* (1954) dan *Ideologi Politik Islam* (1957). Bukan itu sahaja, beliau juga ada menerbitkan majalah yang bertajuk *Taman Bahagia* pada tahun

1937 dan menjadi penyunting majalah 'Kehidupan Dunia Akhirat'. Beliau juga ada menulis buku mengenai kesihatan yang berkaitan dengan homeopati iaitu Falsafah Perubatan Homeopathy (SP/90/1 ANM) dan Homeopath Satu Sistem Rawatan Alternatif (SP/90/18 ANM).

Kerjaya politik Dr. Burhanuddin dapat dilihat apabila beliau mula serius terlibat dalam parti politik bermula pada tahun 1938 dengan memasuki Kesatuan Melayu Muda (KMM), Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS), Persatuan Kebangsaan Melayu Muda (PKMM), PUTERA-AMCJA, Majlis Tertinggi Agama (MATA), Hizbul Muslimin, Parti Rakyat Malaya (PRM) dan dilantik sebagai Yang Dipertua Parti Islam se-Tanah Melayu (PAS) dari tahun 1956 sehingga tahun 1969. Dr. Burhanuddin juga telah dipilih sebagai ahli parlimen bagi kawasan Besut setelah memenangi kerusi parlimen dalam Pilihan Raya Umum 1959 dan menyandanginya sehingga tahun 1964 (Mohamad Muzammil 2013).

Modal insan yang seterusnya dilahirkan semasa pentadbiran Syeikh Abbas ialah Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari. Nama sebenar beliau ialah Abu Bakar bin Shaari dan dilahirkan pada 1904 di Bayan Lepas Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan awalnya di sekolah Melayu Chowrasta Pulau Pinang sehingga darjah lima. Selepas itu, Syeikh Abu Bakar memasuki sekolah beraliran Inggeris iaitu Anglo-Chinese School Pulau Pinang dan kemudiannya meneruskan pendidikannya ke Madrasah al-Mashoor al-Islamiah pada 1921 (Kamarul Afendey 2018).

Di Madrasah al-Mashoor, Syeikh Abu Bakar telah berpeluang menuntut dengan al-Maghribi dan juga Syeikh Abbas yang kedua-duanya adalah mudir dan penggerak Kaum Muda. Semasa pentadbiran Syeikh Abbas, beliau telah ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajiannya ke Universiti al-Azhar Mesir pada tahun 1925 dan perkara ini ada dilaporkan dalam akhbar *Idaran Zaman* mengenai pelajar madrasah mendapat biasiswa melanjutkan pengajian ke Asia Barat hasil inisiatif daripada Syeikh Abbas (*Idaran Zaman* 1925). Ketika berada di Mesir, Syeikh Abu Bakar mendapat pendedahan mengenai idea islah yang bawa oleh Rashid Rida serta Muhammad Abduh dan mendapat inspirasi melaluinya dengan menjadi pengarang majalah *Seruan Azhar* pada tahun 1928 (Abu Zar 2005).

Setelah Syeikh Abu Bakar menamatkan pengajiannya pada tahun 1932, beliau telah kembali ke kampung halamannya untuk menabur bakti menyebarkan fikrah islahnya. Walau bagaimanapun, fikrahnya telah ditentang dan tidak diterima oleh masyarakat setempat apabila Syeikh Abu Bakar secara terang menentang amalan tradisi yang disifatkan sebagai bidaah dan khurafat. Antara

perkara yang dikatakan bidaah dan khurafat adalah seperti majlis tahlil, gendang raya dan mandi safar. Lantaran itu, beliau telah berhijrah ke Kedah untuk meneruskan perjuangannya namun menemui kegagalan kerana di Kedah juga, institusi pondok yang masih berpegang kuat dengan aliran tradisional dan tidak menerima fikrah islahnya. Untuk meneruskan kehidupannya, Syeikh Abu Bakar telah menjalankan perniagaan kecil-kecilan di Pekan Alor Setar Kedah dengan menjual barangan keperluan dan aksesori rumah (Nornajwa dan Mustafa 2015).

Pada tahun 1936, Syeikh Abu Bakar telah dijemput oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Hashim yang merupakan Menteri Besar Perlis ketika itu untuk menyebarkan fikrahnya dan mengukuhkan aliran Ahli Sunnah wal Jamaah. Beliau telah bertugas sebagai guru agama di Sekolah Kanak-kanak Perempuan Jalan Kampung Sena Kangar dan seterusnya mengajar di Madrasah Alawiah al-Diniah Arau Perlis (Haron Din 1989). Syeikh Abu Bakar juga telah ditawarkan sebagai Imam Besar Masjid Alwi untuk memudahkan beliau mengembangkan fikrahnya kepada masyarakat. Pada tahun 1958, Syeikh Abu Bakar telah dilantik sebagai ahli Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Perlis (Utusan Zaman 1958) dan beliau telah memainkan peranan dalam menjadikan Perlis antara negeri yang tidak terikat dengan Mazhab Syafi'i dalam pentadbiran agama Islamnya (Shohana 2016).

Syeikh Abu Bakar juga ada menulis beberapa karya yang berkaitan dengan fikrah perjuangannya. Antara karya yang ditulis oleh beliau iaitu Punca Penerangan Akal (1937), Kemerdekaan Berfikir dalam Islam (1954) dan Pergerakan Kaum Wanita dalam Islam (1954) yang membicarakan serta memberi kesedaran kepada masyarakat Islam yang kurang memberi perhatian kepada hak dan tanggungjawab kepada wanita. Kebanyakan karya beliau telah dicetak oleh Percetakan Persama Press di Lebuh Acheh yang dimiliki oleh sahabatnya Haji Yusuf Rawa (Mohd Radzi 2008).

Syeikh Abu Bakar juga ada melibatkan diri dalam politik apabila menyokong PKMM dan MATA kerana penentangannya terhadap British dan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, setelah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) mengubah dasar perjuangan daripada slogan 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka', Syeikh Abu Bakar telah beralih arah dengan menyokong UMNO. Semasa berada di dalam UMNO, beliau sering memberikan ceramah politik kepada masyarakat namun selepas itu setelah menyedari perjuangan UMNO dalam Perikatan merugikan orang Melayu. Hal ini adalah kerana UMNO dilihat telah bersekongkol dengan bangsa lain dan tidak melaksanakan dasar yang Islamik. Jesteru itu, Syeikh Abu Bakar telah mengalihkan perjuangannya menyokong PAS pada tahun 1956 (Abdul Rahman

1989) dan telah dilantik sebagai Yang Dipertua Dewan Ulama PAS Perlis pada tahun 1968 (Berita Harian 1970).

Selain daripada modal insan yang dilahirkan dalam kalangan pelajar lelaki, terdapat juga modal insan dalam kalangan pelajar perempuan antaranya ialah Dato' Hajah Khaironnisa Mohd Ali. Beliau telah dilahirkan di Lebu Melaka Pulau Pinang pada tahun 10 Oktober 1933 dan merupakan anak bongsu dalam enam orang adik beradik. Bapanya telah meninggal dunia ketika beliau berumur enam tahun dan dibesarkan oleh ibunya yang bernama Asmah Mohd Nordin. Ustazah Khaironnisa mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Jelutong seawal umur 7 tahun sebelum meneruskannya di Madrasah al-Mashoor bahagian perempuan pada tahun 1946 sehingga tahun 1950. Ustazah Khaironnisa telah diasuh dan dilatih Syeikh Abbas untuk berperanan sebagai wanita yang berkebolehan dalam pelbagai disiplin ilmu dan memberi sumbangan signifikan kepada masyarakat (Noor Farehah 2017).

Selepas menamatkan pendidikannya di Madrasah al-Mashoor, beliau telah ditawarkan menjadi tenaga pengajar di madrasah ini dan telah menjadi penolong mudir pada tahun 1952. Setelah itu beliau telah dipilih menjadi mudir untuk madrasah bahagian perempuan pada tahun 1955. Ustazah Khaironnisa telah mendirikan rumah tangga dengan Yang Mulia Raja Mustaffa Raja Haji Ahmad yang juga merupakan tenaga pengajar di Madrasah al-Mashoor bahagian lelaki pada tahun 1957.

Pada tahun 1960, Ustazah Khaironnisa telah meletakkan jawatan di Madrasah al-Mashoor bahagian perempuan bersama suaminya kerana mendapat jemputan dan tawaran yang lebih baik di Madrasah al-Nahdhah Syauni di Titi Teras Balik Pulau. Di madrasah ini, suaminya telah dilantik sebagai mudir dan Ustazah Khaironnisa sebagai penolongnya. Pada tahun 1969, beliau dan suaminya telah mengasaskan sebuah madrasah yang bernama Madrasah Ad-Diniah Al-Islamiah di Jalan Perak Jelutong, Pulau Pinang. Madrasah ini dibangunkan di atas tanah wakaf Muslim Kwantung. Pengasasan madrasah ini mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan masyarakat Islam di Jelutong. Walau bagaimanapun, madrasah ini terpaksa ditutup pada tahun 1987 kerana berlaku pertelingkahan antara ahli keluarga mengenai tapak wakaf tersebut serta keadaan sosio ekonomi telah berubah disebabkan wujudnya sektor perkilangan di kawasan mereka. Kewujudan sektor ini telah menarik minat anak-anak masyarakat Islam untuk bekerja mencari nafkah daripada meneruskan pendidikan agama (Badriyah 1997).

Dalam aspek penulisan, Ustazah Khaironnisa menggunakan nama pena 'Rusni Penang dan 'Dewi Remaja' di awal pembabitannya. Nama pena ini

digunakan dalam penulisan yang bercorak kritikan dan apabila berkaitan dengan agama, beliau akan menggunakan nama sebenar. Ustazah Khaironnisa bersama dengan suaminya berganding bahu menerbitkan sebuah majalah yang bertajuk *Cahaya Pendidikan* pada tahun 1955. Genre majalah ini adalah berkaitan tentang peranan keibubapaan dalam pendidikan anak. Ustazah Khaironnisa diberi tanggungjawab menulis di ruangan wanita dan mengetengahkan idea yang berkaitan dengan pembangunan wanita. Penulisan beliau adalah berkisarkan kepada peranan wanita sebagai ibu dan isteri dalam melaksanakan tanggungjawab di rumah serta tidak mengabaikan ajaran agama.

Dalam aspek penglibatan politik, Ustazah Khaironnisa mula terkenal apabila beliau telah dipilih mewakili pelajar sekolah seluruh Pulau Pinang untuk memberi ucapan menentang penubuhan *Malayan Union* di Padang Francis Light ketika lawatan Dato' Onn Jaafar pada tahun 1946. Pemilihan beliau adalah berdasarkan kepada kepetahannya memberi syarahan dan pengalaman bersyarah ini telah beliau perolehi semasa menuntut di Madrasah al-Mashoor yang memang menekankan aspek syarahan serta perbahasan. Selepas ucapannya di Padang Francis Light itu, beliau telah menjadi tumpuan pihak UMNO dan telah mendaftarkan diri sebagai ahli UMNO cawangan Jelutong pada tahun 1949. Dengan bakat yang ditunjukkan, bermula dari tahun 1949, Ustazah Khaironnisa telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha UMNO, Naib Ketua Wanita UMNO Cawangan Balik Pulau (1963-1968), Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian Pulau Pinang (1969-1971), Ketua Wanita Cawangan Jelutong (1969-1972), Naib Ketua Wanita UMNO Bahagian Pulau Pinang (1971-1973), Pengerusi Tetap Wanita UMNO Bahagian Tanjung (1974-1976) dan Pengerusi Biro Agama Wanita UMNO Bahagian Tanjung (1992-2006) (Noor Farehah 2017).

Dalam bidang sukarelawan pula, Ustazah Khaironnisa telah menceburkan diri dalam pertubuhan sukarelawan seperti Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG). Bukan itu sahaja, beliau juga pernah menyumbang tenaga dalam pembangunan kebajikan wanita Pulau Pinang sehingga dilantik sebagai Yang Dipertua Badan Kebajikan Wanita Islam Bayan Baru dari tahun 1976 hingga 1981 dan Naib Pengerusi Lembaga Kebajikan Wanita Islam Negeri Pulau Pinang dari tahun 1976 hingga 1980.

Ustazah Khaironnisa telah banyak menerima pelbagai anugerah di atas sumbangan beliau dalam bidang politik dan aktiviti kebajikan dalam masyarakat Pulau Pinang khususnya. Antara anugerah yang dikurniakan kepada beliau ialah Pingat Jasa Masyarakat (1977), Pingat Jasa Kebaktian (1981), Pingat Darjah Johan Negeri (2001) dan Pingat Darjah Setia Pangkuan Negeri (2006) yang

membawa gelaran Dato' oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang. Ustazah Khaironnisa juga dianugerahkan Pingat Ahli Mangku Negara oleh DYMM Yang Dipertuan Agong Sultan Haji Ahmad Shah pada tahun 1982. Beliau juga telah dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah dari PERKIM dan Anugerah Tokoh Agama dari PEMENANG pada tahun 1999 kerana telah menyumbang dalam aspek dakwah serta pendidikan (Mahani Musa 2016).

KESIMPULAN

Pengaruh pemikiran islah digagaskan oleh tokoh islah di Mesir telah menjadi faktor utama kepada penyebaran idea pembaharuan dalam sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu. Perkembangan pengislahan yang dibawa oleh Syed Syeikh al-Hadi dalam melaksanakan pembaharuan sistem Pendidikan Islam di Madrasah al-Mashoor al-Islamiah telah diteruskan oleh Syeikh Abbas Bakar Rafiee. Pembaharuan yang di bawa oleh Syeikh Abbas telah menjadikan Madrasah al-Mashoor ini terkenal bukan sahaja di Tanah Melayu tetapi di Asia Tenggara dan juga Asia Barat. Hal ini jelas terbukti peranan Syeikh Abbas membawa pembaharuan dalam aspek sistem pentadbiran dan kurikulum serta memperkenalkan aktiviti ko-kurikulum terhadap pelajar telah membuahkan hasil yang mengagumkan.

Selain itu, Syeikh Abbas juga berjaya mengasaskan Madrasah al-Mashoor Bahagian Perempuan yang pertama di Tanah Melayu dan harus diberikan pujian kerana beliau ingin memperjuangkan hak anak perempuan untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi bersama-sama dengan anak lelaki. Syeikh Abbas berperanan penting dalam menghantar pelajar melanjutkan pengajian di Asia beserta dengan biasiswa dari Institusi Pengajian Tinggi di Asia Barat jelas menunjukkan pengiktirafan yang diberikan kepada Madrasah al-Mashoor. Ini membuktikan dari bahawa sistem Pendidikan Islam di Madrasah mempunyai kualiti yang tinggi.

Bukan itu sahaja, Syeikh Abbas juga telah berjaya menubuhkan cawangan Madrasah al-Mashoor di Balik Pulau kerana Madrasah al-Mashoor mempunyai sistem Pendidikan Islam yang berkualiti dan dipimpin oleh mudir yang berkaliber. Selain itu, penubuhan Madrasah Muhamadiyah al-Sabakiah di Sabak Bernam yang juga mengikut model Madrasah al-Mashoor membuktikan bahawa Syeikh Abbas berperanan penting dalam membawa pembaharuan terhadap sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu. Beliau juga dapat dilihat memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan yang berwibawa apabila beliau sendiri yang mengasuh dan melatih antara tokoh terkenal seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi, Syeikh Abu Bakar al-Ashaari serta Dato' Hajjah Khaironnisa Mohd Ali dan mereka ini yang telah mencetuskan perubahan dalam

aspek serta kesedaran sosial dalam masyarakat Melayu Islam di Tanah Melayu. Syeikh Abbas menyedari bahawa telah menjadi tanggungjawabnya untuk melaksanakan pembaharuan dan memartabatkan Pendidikan Islam demi kemaslahatan umat.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (304/PJJAUH/6315255)

RUJUKAN

Sumber Primer

HCO.638/1935. Copy of Report Syeikh Abdullah.

RCP/1333/49. Admission of students from Mashoor ul Islam School, Pg., into Saudi Arabian Govt. Schools. 23 September 1949.

SP10/20. Private Letter Collection.

SP10/1288/81. Surat kepada Syeikh Tahir dari Abdullah Maghribi, 17 Jun 1930.

SP10/1314/81. Surat dari Syeikh Tahir kepada Syeikh Abdullah Maghribi. 29 Oktober 1928.

SP10/583. t.t. Syeikh Tahir Papers, Surat Persendirian Syeikh Tahir.

SP/90/1. Falsafah Perubatan Homeopathy oleh Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy, M.D.(H).

SP/90/18. Homeopath Satu Sistem Rawatan Alternatif oleh Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy.

SP63/4. t.t. Sekolah-sekolah Ugama Pulau Pinang, Surat Persendirian Haji Fathil Basheer.

SPP/P/1. t.t. Sejarah Madrasah al-Mashoor al-Islamiah (Lelaki dan Perempuan) Pulau Pinang, Surat Persendirian Shaikh Ahmad Osman Bajunid.

Sumber Sekunder

- Abu Zar Abu Hassan. 2005. Pengaruh gerakan Islah di Negeri Perlis, Kertas Projek, Akademi Pengajian Islam, Universti Malaya Kuala Lumpur.
- Abdullah Haji Jaafar. 1984. Al-Imam. Dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Ismail. 2003. Syed Sheikh Al-Hadi: Penggerak Kebangkitan Melayu Abad ke-20. Dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed.). *Syed Sheikh Al Hadi: Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2003.
- Ahmad Dzulfahmi Muhamad. 2013. Sejarah dan Perkembangan Madrasah Al Mashoor Al Islamiah Pulau Pinang, 1916-1969. Tesis Sarjana, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Ahmad Dzulfahmi Muhamad. 2016. Pengaruh Timur Tengah Terhadap Madrasah Al Mashoor Al-Islamiah. *Jurnal Sains Humanika*, 8: 3-2: 109-115.
- Ahmad Dzulfahmi Muhamad. 2019. Sumbangan Madrasah Al-Mashoor Al Islamiah Pulau Pinang dalam Sistem Pendidikan Islam di Tanah Melayu, 1916-1972. Dalam Ishak Saat & Ku Boon Dar (eds.), *Sejarah dan Rencam Warisan Alam Melayu*, Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Ahmad Dzulfahmi Muhamad. 2020. Sheikh Abbas Bakar Rafiee: His Contributions To Madrasah Al-Mashoor Penang, 1922-1957. European Proceedings of Social and Behavioural Sciences. London: Future Academy.
- Ahmad Dzulfahmi Muhamad dan Mohammad Redzuan Othman. 2020. Pengislahan sistem Pendidikan Islam Di Tanah Melayu: Peranan Mudir Madrasah Al-Mashoor Al Islamiah Pulau Pinang, 1916-1957. *Jurnal al Tamaddun* 15 (1): 133-145.
- Aljunied, Syed Muhd Khairudin. 2011. A theory of colonialism in the Malay world. *Postcolonial Studies* 14 (1): 7-21.
- Amini Amir Abdullah. 1995. Pemikiran Islam: Peranan Tokoh-tokoh Islah dan Cabaran Aliran-aliran Pemikiran Semasa. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Amini Amir Abdullah. 1997. Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiah, Pulau Pinang: Pengaruh dan Perkembangan. Dalam Badriyah Haji Salleh (ed.), *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan Jilid 3*. Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam Pulau Pinang, Lebu Pantai: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.

Ar-Rajaa, 14 Januari 1926.

Ar-Rajaa, 13 Februari 1926.

Berita Harian, 12 April 1970.

Bumiputra, 31 Oktober 1933.

Farid Mat Zain & NurulWahidah Fauzi. 2014. Ulama Arab Di Tanah Melayu: Satu Analisa Pada Awal Abad ke-20. *Religi: Jurnal Studi Agama-Agama* 10 (2): 184-203.

Farish A. Noor, Yoginder Sikand & Martin van Bruinessen. 2008. Behind the Walls: Re Appraising the Role and Importance of Madrasas in the World Today. Dalam Farish A. Noor, Yoginder Sikand & Martin van Bruinessen (eds.). *The Madrasa in Asia Political Activism and Transnational Linkages*. Amsterdam: Amsterdam University Press.

Haron Din. 1989. Syeikh Abu Bakar Al-Ashaari: Ulama Tegas dan Berani. Dalam Abdul Rahman Haji Abdullah (ed.). *Gerakan Islah di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.

Ibrahim Abu Bakar. 1994. *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayid Sheikh Al-Hadi (1867-1934)*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Idaran Zaman, 26 Mac 1925.

Idaran Zaman, 16 Julai 1925.

Kamarul Afendey Hamimi. 2018. Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu 1906-1957. Tesis PhD. Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak.

Kamaruzaman Yusoff. 2011. Akhbar Saudara dan Sumbangan Syeikh Abdullah al-Maghribi Al-Ghadamshi. Dalam Roziemah Ramli (ed.), *Seminar Diaspora Arab Nusantara: Peranan dan Sumbangan*, Alor Setar: Perpustakaan Awam Kedah.

Latifah Abdul Latif. 2017. Sumbangan Orang Arab dalam Pendidikan Agama@Madrasah di Malaysia. Proceeding of International Conference of Empowering Islamic Civilization, Universiti Sultan Zainal Abidin.

Mahani Musa. 2015. *History of Mosques and Kramats in Penang 1730s – 2012*, Georgetown: Think City.

Ahmad Dzulfahmi Muhamad

- Mahani Musa. 2016. *Memori 100 Tahun Sekolah al-Mashoor*. Pulau Pinang: Jam'iyah Al Ikha' Al-Khairiyah
- Mahayudin Hj. Yahya. 1999. Abu Jabir Abd Allah b. Ahmad al-Ghadamisi: A reformist 'ulama' in the Malay States. Dalam Alijah Gordon (ed). *The Real Cry of Syed Sheikh al-Hady*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2013. *Burhanuddin Al-Helmi: Pemikiran dan Perjuangan*. Bangi: Medium Publication.
- Mohammad Redzuan Othman. 2012. *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Mohd Radzi Othman dan O.K. Rahmat. 2008. *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya dengan Malaysia*, Edisi Baharu, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Sarim Mustajab. 1976. Syed Syeikh Abdullah Maghribi: Pendidik dan Kaum Muda. *JEBAT* 5(6): 1-11.
- Mohd. Taib Osman. 1964. *Modern Malay Literature*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Daud. 1980. *Madrasah Al-Mashoor Al-Islamiyah Pulau Pinang: 1916-1969. Latihan Ilmiah*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- N. John Funston. 1980. *Malay Politics in Malaysia, Study of UMNO and PAS*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Noor Farehah Alias. 2017. *Memori Perjuangan Wanita Tempatan: Dato' Hajjah Khaironnisa binti Mohd Ali*. Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarawan Malaysia, Universiti Sains Malaysia.
- Nor Adina Abdul Kadir. 2011. Peranan Ulama dalam Perkembangan Intelektualisme di Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, Perak sebelum Merdeka. Dalam Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (ed.). *World Congress for Islamic History and Civilization: Islam and Education*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Nornajwa Ghazali dan Mustaffa Abdullah. 2015. *Syeikh Abu Bakar Al-Ashaari: Mufasssir Islah Penerus Zaman*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar Farouk Shaiek Ahmad. 1978. The Arabs in Penang. Dalam Khoo Khay Kim (ed.). *Malaysia in History*. XXI:2, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

- Osman Bakar. 1980. Haji Salleh Masri, Pengasas Madrasah al-Masriyyah. Dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Rahim Osman. 1980. Madrasah Masyhur al-Islamiyah. Dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ramlah Adam. 2003. *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rashidah Ismail. 1969. Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Anak Melayu Pertama Mempelajari Homeopathy. Dalam *Dewan Masyarakat*, Disember 1969.
- Saliha Haji Hassan. 1986. Dr. Burhanuddin al-Helmi, 1911-1969. Kertas kerja Seminar Biografi Malaysia, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Saudara*, 15 April 1934.
- Saudara*, 22 Ogos 1934.
- Saudara*, 25 Ogos 1937.
- Saudara*, 16 Februari 1938.
- Saudara*, 13 Januari 1940.
- Shohana Hussin. 2016. Tokoh dan Institusi Pendidikan Islam di Pulau Pinang. Dalam Muhammad Haji Salleh & Mahani Musa (eds.). *Masyarakat Melayu Pulau Pinang dalam Arus Sejarah*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Sufean Hussin. 1996. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Alwi al-Hady. 1999. The Life of My Father. Dalam Alijah Gordon (ed.). *The Real Cry of Syed Syeikh al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- Talib Samat. 1996. Syed Syeikh Al-Hadi: Pelopor Pendidikan Islam Terawal di Pulau Pinang. Dalam Fadlullah Jamil (ed.), *Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan Jilid 2*, Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam Pulau Pinang, Lebuhr Pantai: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.
- Talib Samat. 1997. Sejarah dan Sumbangan Penerbitan Syed Syeikh Al-Hadi dalam Pembangunan Intelektual Bangsa Melayu. Dalam Badriyah Haji Salleh (ed.),

Ahmad Dzulfahmi Muhamad

Sejarah Islam Pulau Pinang: Tokoh dan Sumbangan Jilid 3. Jurnal Penyelidikan Sejarah Islam Pulau Pinang, Lebu Pantai: Jabatan Agama Islam Pulau Pinang.

Talib Samat. 2007. Madrasah al-Mashoor al-Islamiah: Sekolah Agama Pertama di Pulau Pinang. Dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed.), *Dari Tanjung Penaga ke Georgetown: Membongkar Sejarah Negeri Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Utusan Zaman, 13 Julai 1958.

William R. Roff. 1962. Kaum Muda-Kaum Tua: Innovation and Reaction Amongst the Malays, 1900-1941. Dalam K.G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapore: Malaya Publishing House.

William R. Roff. 1974. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.